



**“Saya akui gagal memperagakan terjunan terbaik Cheong Jun Hoong”**

# BUKAN KERANA DUIT

Rio de Janeiro

**B**ukan kerana ganjaran! Pernerjun negara Cheong Jun Hoong menafikan dia gagal ke separuh akhir acara 3 meter papan anjal wanita semalam kerana sudah berpuas hati dengan pingat perak 10m platform seirama sebelumnya.

## Jun Hoong gagal mara acara 3m papan anjal akibat penat

Sejumlah RM150,000 seorang hasil kejayaan itu selain pencen RM3,000 sebulan yang berkuat kuasa serta-merta. “Saya terkejut kerana tersingkir tapi saya akui gagal memperagakan terjunan terbaik mungkin disebabkan kepenatan kerana sejak tiba di Rio, saya tidak berhenti berlatih dan terus bertanding dalam dua acara sebelum ini. “Kecewa kerana saya mempunyai sasaran dalam acara ini, namun saya perlu terima dan akur,” katanya yang menduduki tangga ke-21 daripada 29 penerjun pada pusingan kelayakan di Pusat Akuatik Maria Lenk dengan mengumpul 282.25 mata daripada lima terjunan.

Sebelum ini, penerjun berusia 26 tahun itu beraksi dalam acara 3m papan anjal mara ke separuh akhir selepas menduduki tempat ke-17 dengan mengumpul 299.05 mata. Berdasarkan format pertandingan, hanya 18 penerjun terbaik pada pusingan kelayakan mara ke separuh akhir dan daripada jumlah itu 12 penerjun terbaik layak bertanding di final, Isnin ini.

Ng bernasib baik melepasi pusingan kelayakan untuk mara ke separuh akhir selepas menduduki tempat ke-17 dengan mengumpul 299.05 mata. Berdasarkan format pertandingan, hanya 18 penerjun terbaik pada pusingan kelayakan mara ke separuh akhir dan daripada jumlah itu 12 penerjun terbaik layak bertanding di final, Isnin ini.

**TRIVIA**  
Sejumlah 85,000 tentera dan polis digunakan - anggota keselamatan paling besar pernah dihimpunkan untuk sebarang acara dalam sejarah Brazil dan dua kali lebih besar daripada London 2012.

**TRIVIA**  
Pemandu teksi Rio atau 'taxistas' diberi pelajaran Inggeris percuma secara atas talian oleh Jawatankuasa Pengajar Rio 2016. Mereka yang menjalani kursus empat bulan itu besar kemungkinan menukar sapaan dari "oil" ke "hil".



**PASANGAN Khe Wei (depan), Vivian (belakang) gagal sekata beregu Indonesia.**


## Laluan getir nanti Vivian, Khe Wei

**Rio de Janeiro:** Laluan lebih sukar menanti Vivian Hoo-Woon Khe Wei pada suku akhir beregu wanita Sukan Olimpik Rio selepas gagal menduduki gandingan Indonesia, Nitya Krishinda Maheswari-Greysia Polli, semalam. Pemenang pingat emas Sukan Komanwel Glasgow 2014 itu kecundang 19-21, 19-21 kepada pasangan ranking keempat dunia itu yang memastikan hari sebagai juara Kumpulan C.

Sebagai naib juara kumpulan itu, mereka akan menentang sama ada juara Kumpulan A, B atau D pada suku akhir, esok. “Kami sudah sedia berdepan siapa saja pada suku akhir. Kami perlu memperkemas lagi permainan terutama ketika di penghujungnya. “Hari ini mungkin persembahan terbaik kami setakat ini tapi sayang sentuhan pemusnah tidak begitu berkesan. Kami perlu segera memperbaikinya,” jelas Khe Wei. Vivian menegaskan dia berpuas hati dengan persembahan secara keseluruhan sekalipun mereka beberapa kali gagal menyudahkan peluang terhidang untuk mematkan bulu tangkis. “Mungkin kami perlu bermain rali panjang sebelum mematkan bola,” katanya apabila pukulan balas Khe Wei terkeluar dan memberikan mata kemenangan kepada lawan dalam masa 53 minit. Terdahulu, perseorangan wanita negara Tee Jing Yi membuka tirai aksi langkah kanan sekalipun berhem-pas-pulas sebelum menewaskan pemain Republik Czech, Kristina Gavnholt 22-20, 21-15 dalam Kumpulan K. Dia bagaimanapun perlu mengalahkan pemain pilihan ke-10 dari Jepun, Akane Yamaguchi hari ini jika mahu layak ke pusingan kedua.

## Rentak berbeza Danny, Gavin

**Rio de Janeiro:** Nasib berbeza dialami dua pemain golf negara apabila Danny Chia mencatat satu bawah par 70 manakala Gavin Kyle Green merudum dengan tiga atas par 74 pada pusingan kedua Olimpik Rio, semalam. Keputusan itu menyaksikan Danny meningkat ke tangga 37, berkongsi kedudukan dengan enam pemain lain dan Gavin pula berkongsi tangga ke-51 dengan dua pemain. Danny, 43, membenam tiga birdie di lubang ketiga, lima dan 10 namun dua bogey di lubang 7 dan 15 menjejaskan rentaknya. Dia mengumpul satu atas par 143 keseluruhan, sama catatan dengan David Hearn (Kanada), Yuta Ikeda (Jepun), Scott Hend (Australia), Ryan Fox (New Zealand), Adilson Da Silva (Brazil) dan Li Haotong (China). “Danny bermain lebih baik pada sesi pagi sekalipun hujan renyai, cuaca berangin dan sejuk,” ujar pengurus skuad negara Vincent Wong. “Pada sembilan lubang kedua dia cuba menyerang tapi jelas dia tidak bertuah kerana pukulan putt sering tidak menjadi. Gavin agak bermasalah di lubang awal tapi dia berjaya mengatasinya selepas itu.” Gavin yang mengumpul lima atas par 147 keseluruhan selepas separuh saingan, mencatat double bogey di lubang kedua serta bogey lubang ketiga, em-



DANNY

pat, 11 dan 12. Dia membenam tiga birdie di lubang pertama, sembilan dan 16. Dia berkongsi tangga ke-51 bersama pemain Afrika Selatan Brandon Stone dan juara Terbuka Malaysia tahun lalu, Anirban Lahiri dari India. Kedua-duanya meneruskan saingan pusingan ketiga malam ini kerana 60 pemain mengambil bahagian dan format tiada 'cut-off'.

## AKSI ATLET MALAYSIA HARI INI

- GOLF LELAKI (Pusingan Akhir)**  
6.30 pgt  
**Danny Chia & Galvin Green**  
(Siaran langsung Oly 9, 769/789/801)
- BADMINTON**  
7.30 mlm  
Perseorangan wanita  
**Tee Jing Yi**  
7.55 mlm  
Perseorangan lelaki  
**Datuk Lee Chong Wei**  
(Siaran langsung Oly 5, 765/785/801)

**Rio de Janeiro:** Perenang negara Welson Sim (*gambar*) melengkapkan cabaran pada Olimpik Rio dengan catatan terbaik peribadi dalam acara 1,500 meter gaya bebas lelaki apabila merakam 15:32.63s untuk berakhir di tangga ke-39

## Welson ceria catat masa terbaik peribadi

dari 45 peserta, semalam. Catatan terbaik peribadi Welson sebelum ini adalah 15:32.67s dilakukan di Barcelona awal tahun ini ketika bertanding di Eropah menjelang Olimpik. Dia berakhir di tangga keempat saringan pertama. “Ia bukannya acara kege-

maran saya jadi saya berasa gembira dengan catatan peribadi terbaik yang baharu,” katanya yang turut berlumba dalam acara 200 dan 400m

gaya bebas di Rio. Dia menyamai rekod kebangsaan miliknya sendiri 1:47.67s dalam acara 200m gaya bebas namun tersasar dalam acara 400m gaya bebas, mencatat 3:51.57s berbanding catatan terbaik peribadinya 3:50.33s.



**Rio de Janeiro:** Sekalipun gagal memecahkan rekod G Shanti pada temasya Olimpik Rio, Zaidatul Husniah Zulkifli tetap menanam tekad untuk melenyapkan rekod berusia 23 tahun itu tidak lama lagi. “Saya tak tahu bila, tapi saya akan cuba juga untuk memecahkannya satu hari nanti,” katanya selepas menamatkan perlumbaan 100 meter wanita dengan masa 12.62 saat, semalam. Zaidatul yang hadir di Rio menerusi tiket wildcard, melayakkannya untuk mencatat

## Zaidatul tekad pecah rekod 21 tahun

masa lebih baik sekurang-kurangnya mengatasi rekod terbaik peribadinya 11.62s. “Cuaca amat sejuk malam ini berbanding sesi pagi tadi. Tapi pengalaman beraksi di Rio ini amat menggembirakan kerana

saya berpeluang berlumba dengan pelari handalan dunia. “Jika diberi peluang, saya mahu berlari lagi pada temasya Olimpik Tokyo 2020,” ujarnya yang mencatat masa terbaik musim ini 11.67s. Shanti mencatat rekod kebangsaan 11.50s pada Mei 1993.